

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23 Mac 2017

SOALAN

Ust Dato' Dr. Mohd Khairuddin Bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan punca, kesan dan langkah-langkah menangani kehamilan remaja belum berkahwin di negara ini.

JAWAPAN

Terlebih dahulu saya memohon izin untuk menjawab bersekali pertanyaan Jawab Lisan pada 20 Mac 2017 oleh YB Pasir Puteh dan pertanyaan pada 23 Mac 2017 oleh YB Kuala Nerus kerana kedua-dua pertanyaan berkisar mengenai isu yang hampir sama iaitu meminta kementerian menyatakan usaha-usaha bagi menangani masalah kehamilan remaja belum berkahwin, kelahiran anak luar nikah dan pembuangan bayi. Dalam usaha menangani masalah tersebut, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui LPPKN telah memberi tumpuan kepada program kesedaran dan pencegahan dalam kalangan remaja di peringkat sekolah dan komuniti. Melalui Dasar dan Pelan Tindakan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan (PEKERTI), pelbagai inisiatif dan program telah dilaksanakan seperti berikut:-

1. Menjalankan beberapa kajian bagi melihat isu kehamilan luar nikah dalam kalangan remaja dengan lebih mendalam. Kajian Faktor Risiko dan Pelindung Terhadap Kesihatan Seksual dan Reproduktif Remaja di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak telah pun disiapkan dan hasil kajian telah dibentangkan dalam seminar pada tahun 2016. Sementara itu kajian Youth Intervention Study: Best Practices of Youth Intervention Programmes in Malaysia dalam fasa terakhir dan akan diterbitkan pada tahun 2017. Kedua-dua kajian tersebut akan membantu mengenal pasti punca masalah secara holistik serta meneliti pendekatan dan program intervensi yang bersesuaian. Beberapa inisiatif baru telah diambil. Antaranya ialah memperluaskan program PEKERTI kepada golongan berisiko tinggi, mempertingkatkan akses remaja kepada kesihatan reproduktif melalui pendekatan Transit Kafe@TEEN, serta menjalankan kajian impak bagi program-program yang disasarkan kepada remaja. Kehamilan dalam kalangan remaja bersifat multifaktorial, boleh berpunca daripada diri sendiri, keluarga, pengaruh rakan sebaya, kurang ilmu agama, persekitaran yang tidak sihat serta komuniti yang tidak peduli dan lain-lain lagi. Kajian Faktor Risiko dan Pelindung Terhadap Kesihatan Seksual dan Reproduktif Remaja di Semenanjung Malaysia dan di Sabah dan Sarawak mendapati, antara faktor risiko utama yang mendorong remaja untuk melakukan tingkah laku seksual yang tidak sihat adalah disebabkan mengamalkan gaya hidup yang berisiko, bergaul dengan rakan sebaya yang terlibat dalam penyalahgunaan bahan terlarang dan salah laku seksual, tidak tinggal bersama keluarga serta tidak mempunyai struktur keluarga yang lengkap dan mempunyai akses mudah dalam mendapatkan maklumat melalui media elektronik. Kajian World Health Organization (WHO) menunjukkan risiko kematian di kalangan remaja berumur kurang daripada 15 tahun adalah 5 kali ganda lebih tinggi berbanding wanita yang berusia lebih 20 tahun dan kematian bayi juga adalah tinggi. Kehamilan remaja juga mengakibatkan komplikasi penyakit kelamin, pengguguran tidak selamat, pembuangan bayi serta kematian ibu dan bayi sekiranya tidak dikendalikan dengan berhemah.
2. Dalam usaha menangani sahlaku seksual remaja yang didapati kebanyakan berpunca daripada remaja lelaki, LPPKN telah membangunkan modul Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Seksual khas untuk Remaja Lelaki yang berumur 16 tahun ke atas. Program rintis telah dilaksanakan pada bulan Oktober 2016 melibatkan 5 buah negeri iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Sabah. Pada tahun ini, pelaksanaan program menggunakan modul ini akan diperluaskan lagi ke semua negeri. Pihak LPPKN juga sedang menjalankan kajian penilaian ke atas keberkesanan pelaksanaan program PEKERTI di seluruh negara. InshaAllah Kajian ini dijangka siap pada akhir tahun 2017.
3. Pihak kementerian telah memperluaskan pelaksanaan program kepada golongan berisiko tinggi melalui program PEKERTI@KOMUNITI. Pelaksanaan program PEKERTI@KOMUNITI telah melibatkan penghuni institusi JKM seperti Sekolah Tunas Bakti (STB), Taman Seri Puteri (TSP), Rumah Kanak-kanak (RKK), Asrama Akhlak juga pada pelajar sekolah berasrama penuh (SBP), remaja dan ibu bapa di kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR), serta pemimpin komuniti seperti Rukun Tetangga. Secara keseluruhan sebanyak 147 program PEKERTI@KOMUNITI telah dijalankan sepanjang tahun 2014 hingga 2016 dengan penyertaan melibatkan seramai 7,370 peserta dari kalangan remaja dan ibu bapa.
4. Konsep Pusat Transit kafe@TEEN telah diperkenalkan sebagai tempat persinggahan yang selamat bagi pelajar sebelum atau selepas waktu sekolah dalam usaha untuk mengurangkan pengaruh negatif rakan sebaya. Dua program rintis Transit kafe@TEEN di UTC Keramat, Kuala Lumpur dan Presint 16, Putrajaya merupakan tambahan kepada perkhidmatan sedia di 16 Pusat Remaja Kafe@TEEN di sepuluh buah negeri. Ini adalah bertujuan

untuk meningkatkan akses kepada maklumat serta perkhidmatan kesihatan reproduktif, menawarkan perkhidmatan kesihatan, khidmat kaunseling psikososial serta program pendidikan dan pembangunan kemahiran (skills building) untuk golongan remaja. Sejak 2006 sehingga 2016, sebanyak 381,952 remaja telah mengikuti program-program pendidikan dan pembangunan kemahiran manakala 27,651 remaja telah mendapatkan perkhidmatan kesihatan reproduktif dan seramai 7,993 mendapatkan perkhidmatan kaunseling. 5. Di samping melaksanakan beberapa program berbentuk pencegahan, KPWK melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga telah menyediakan Rumah Perlindungan kepada kanak-kanak dan wanita yang hamil luar nikah. Selain institusi JKM, Sekolah Harapan untuk remaja hamil di Melaka telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Melaka. 6. Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga turut melaksanakan beberapa pendekatan bagi mengatasi masalah kehamilan remaja, kelahiran anak luar nikah dan pembuangan bayi. Diantaranya ialah;- i. Menyediakan akses kepada perkhidmatan yang mesra remaja di semua fasiliti kesihatan Kerajaan di seluruh Negara. ii. Menjalankan latihan bagi memperkasa anggota kesihatan dalam pengendalian kes remaja secara berhemah, tidak menghukum, menjaga kerahsiaan dengan mengguna pakai prinsip 'harm reduction' dan 'in the best interest of the child'. iii. Menyediakan modul dan garis panduan pengendalian masalah kesihatan seksual reproduktif remaja. iv. Menjalankan usaha advokasi mengenai isu kehamilan remaja pada mesyuarat inter-agensi seperti Majlis Sosial, Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri ke 122 dan Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke 240 bagi mendapat sokongan dan kerjasama semua agensi / kementerian / kerajaan negeri untuk menangani masalah ini secara holistik di peringkat negeri dan daerah dan, v. Perlaksanaan Program Generasiku Sayang di semua negeri dalam menyediakan intervensi yang menyeluruh dan bersepadu kepada remaja hamil khususnya remaja yang tidak berkahwin tanpa sokongan keluarga. Sebanyak RM3,785,835.00 telah diperuntukkan kepada LPPKN di bawah Kementerian bagi pelaksanaan program PEKERTI sepanjang tahun 2010 sehingga 2017 yang juga merangkumi peruntukan daripada United Nations Population Fund (UNFPA) dan National Blue Ocean Strategy (NBOS). Kementerian percaya dengan segala langkah dan inisiatif yang diambil secara bersama di antara agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan komuniti masyarakat dapat membendung fenomena tingkah laku seksual tidak sihat dalam kalangan remaja, seterusnya dapat membendung peningkatan kes bayi dilahirkan luar nikah yang secara langsung mengurangkan kes pembuangan bayi di negara kita Malaysia.

